

## SOALAN NO:44

- ii. 2,727 WiFi Komuniti telah diletakkan di pelbagai lokasi di seluruh negara dan 92 lagi lokasi lagi akan dilengkapi dengan kemudahan WiFi Komuniti menjelang tahun 2018;
- iii. Sebanyak 1,596 menara telekomunikasi baru telah dibina di seluruh negara dan 204 lagi dalam proses pelaksanaan;
- iv. Sebanyak 3,686 menara sedia ada telah dinaiktaraf dan sebanyak 509 buah menara lagi sedang dalam proses penaiktarafan;
- v. Sepanjang 3,819 kilometer Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia telah dibina menghubungkan Semenanjung, Sabah dan Sarawak;
- vi. Sebanyak 2,168,649 unit peranti pintar telah diagihkan ke seluruh negara dan sebanyak 261,453 sedang dalam proses edaran;
- vii. Sebanyak 1,668,772 unit netbook telah diedarkan ke seluruh negara

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan di bawah Bajet 2017 bagi pembangunan infrastruktur di seluruh negara adalah sebanyak RM1 billion. Jumlah ini antara lain melibatkan projek-projek seperti peluasan perkhidmatan jalur lebar talian tetap dan mudah alih, sistem kabel dasar laut, rangkaian gentian optik dan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M). Projek-projek pembangunan infrastruktur sebegini adalah penting untuk dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan komunikasi dan capaian internet yang lebih baik dan berkualiti serta mencapai sasaran Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).